

**PENGARUH BRITISH DI KEDAH, 1770-1940:
KESAN KE ATAS PENTADBIRAN DAN EKONOMI.**

SIVARAJAN PONNIAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2010

**PENGARUH BRITISH DI KEDAH, 1770-1940:
KESAN KE ATAS PENTADBIRAN DAN EKONOMI.**

OLEH

SIVARAJAN PONNIAH

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah**

November 2010

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan limpah kurniaNya dapat menyempurnakan penulisan tesis ini.

Saya merakamkan setelus penghargaan kepada Penyelia Utama, Prof. Madya Dr. Mohd Isa Othman yang sanggup meluangkan masa yang panjang untuk membimbing saya dalam mencari dokumen dan juga untuk penulisan tesis. Dorongan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau telah memudahkan saya untuk menyiapkan tesis ini sepenuhnya. Penghargaan juga diberikan kepada Penyelia Kedua, Dr. Azmah Abdul Manaf yang turut melapangkan masa membimbing saya sepanjang penulisan tesis ini.

Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia iaitu Profesor Madya Dr. Haji Ahmad Jelani bin Halimi dan Dr. Ishak bin Saat yang turut memberi cadangan yang kritis untuk ke arah penulisan yang berkualiti.

Setinggi penghargaan juga diberikan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Bahagian Biasiswa yang telah memberi saya pelepasan cuti belajar dan juga bantuan biasiswa untuk saya membuat penyelidikan dan penulisan tesis di peringkat kedoktoran.

Terdapat juga institusi yang turut membantu saya dalam membuat penyelidikan terutamanya dalam pencarian dokumen sejarah. Arkib Negara Kuala Lumpur, Arkib Negara Cawangan Kedah/Perlis, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan Awam Kedah telah menghulurkan bantuan untuk saya dalam mendapatkan dokumen sejarah.

Ucapan terima kasih juga diberikan kepada semua individu yang turut memberi sumbangan secara peribadi untuk mendapatkan dokumen dan juga buku-buku yang berkaitan dengan penyelidikan.

Akhir sekali saya amat menghargai sokongan padu isteri saya Puan Sathi dan kedua-dua anak saya, Sarvesh dan Maheas dalam menyiapkan tesis ini. Pengorbanan keluarga tersayang saya telah memberi ruang untuk menyempurnakan penyelidikan ini.

JADUAL KANDUNGAN

TAJUK	MUKASURAT
Penghargaan	ii
Jadual Kandungan	iv
Kependekan	vi
Senarai Jadual	vii
Abstrak	viii
Abstract	ix
Bab Satu	PENGENALAN
1.1	Latar Belakang Kajian 1
1.2	Tinjauan Kajian Lepas 3
1.3	Pengertian Birokrasi 7
1.4	Peralihan Birokrasi Tradisional Ke Birokrasi Kolonial 10
1.5	Objektif Kajian 21
1.6	Permasalahan Kajian 23
1.7	Skop Kajian 23
1.8	Metodologi Kajian 24
1.9	Masalah Penyelidikan 27
Bab Dua	HUBUNGAN KEDAH-BRITISH-SIAM 1770-1909
2.1	Hubungan Kedah-British 1770-1821 35
2.2	Hubungan Kedah-British 1821-1842 61
2.3	Hubungan British-Siam 1821-1909 72
2.4	Hubungan Kedah-British 1843-1909 83
Bab Tiga	PENGARUH INSTITUSI BRITISH DI KEDAH 1909-1940
3.1	Institusi Pesuruhjaya Tinggi British 117
3.2	Institusi Penasihat British 155
3.3	Institusi Pendidikan 173
3.4	Institusi Perubatan 205
3.5	Institusi Kerjaya Raya 217
3.6	Institusi Perundangan 226

Bab Empat	PENGARUH BRITISH DALAM PENTADBIRAN DAERAH DAN MUKIM 1909-1940	
	4.1 Mekanisme Ke Arah Pembentukan Daerah dan Mukim	254
	4.2 Pengaruh British Dalam Pentadbiran Daerah	260
	4.3 Pengaruh British Dalam Pentadbiran Mukim	284
Bab Lima	PENGARUH BRITISH DALAM EKONOMI KEDAH 1909-1940	
	5.1 Perladangan Getah	320
	5.2 Perlombongan Bijih Timah	368
	5.3 Eksport dan Import Kedah 1909-1940	392
Bab Enam	KESIMPULAN	414
Bibliografi		421
Lampiran		
Lampiran A	Perjanjian 1909	438
Lampiran B	Perjanjian 1923	442
Lampiran C	Senarai Nama High Commissioners Of The Federated Malay States	445
Lmpiran D	Senarai Nama British Advisers of Kedah	447
Lampiran E	Tugas Pegawai Daerah	449
Lampiran F	Tugas Penghulu	454

KEPENDEKAN

- C.O : Despatches and Telegrams From The Straits Settlements to the Colonial Office.
- EIC Syarikat Hindia Timur Inggeris
- H.C.O. : High Commissioner Office
- J.I.A. : Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia
- JMBRAS : Journal of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
- JSBRAS : Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society
- JSEAH : Journal of the South East Asian History
- KAR : Kedah Annual Report
- KDSS : Kedah Dari Segi Sejarah
- MBRAS : Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
- MIH : Malaya/Malaysia in History
- SMSAH : Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid
- SUK/K : Setiausaha Kerajaan Kedah

SENARAI JADUAL

	Tajuk	Mukasurat
Jadual 3.1	: Guru Besar Melayu Yang Telah Berkhidmat Di Sekolah Inggeris Mulai 1908-1914.	175
Jadual 3.2	: Enrolmen Pelajar Lelaki di Government English School Bagi Tahun 1910-1914.	176
Jadual 3.3	: Enrolmen Pelajar Lelaki di Government English School Dari Tahun 1910-1920.	181
Jadual 3.4	: Enrolmen Pelajar Lelaki di Government English School Bagi Tahun 1912.	182
Jadual 3.5	: Enrolmen Pelajar Lelaki di Government English School Bagi Tahun 1914.	183
Jadual 4.1	: Kutipan Hasil Cukai Pentadbiran Daerah-Daerah Di Kedah.	268
Jadual 4.2	: Jadual Pembayaran Gaji Penghulu Mengikut Gred	289
Jadual 5.1	: Sektor Perladangan Getah Berdasarkan Pemilik Mengikut Daerah Di Kedah.	322
Jadual 5.2	: Permohonan Mendapatkan Tanah Melebihi 100 Relong Pada Tahun 1930.	326
Jadual 5.3	: Permohonan Mendapatkan Tanah Kurang Daripada 100 Relong Pada Tahun 1930	327
Jadual 5.4	: Jumlah Pemilikan Tanah Oleh Syarikat Perladangan Getah Bagi Tahun 1919-1920.	331
Jadual 5.5	: Taburan Getah Mengikut Daerah Di Kedah 1919-1920.	331
Jadual 5.6	: Pungutan Cukai Eksport Getah(Anggaran) Mengikut Daerah Bagi Tahun 1911 dan 1912.	338
Jadual 5.7	: Jumlah Pekebun Kecil Mengikut Daerah Bagi Tahun 1935.	358

Jadual	5.8	:	Jumlah Tenaga Buruh India Mengikut Daerah Bagi Tahun 1934.	362
Jadual	5.9	:	Jumlah Tenaga Kerja Mengikut Kategori Buruh Asing Untuk Sektor Perladangan Getah Bagi Tahun 1921-1935.	367
Jadual	5.10	:	Jumlah Pengeksportan Dan Pengimportan Kedah Dari Tahun 1920-1931.	393
Jadual	5.11	:	Nilaian Eksport Getah, Bijih Timah, Padi Dan Beras Dari Tahun 1922-1928.	395
Jadual	5.12	:	Nilaian Pengimportan Tembakau,Rokok,Gula Dan Petrol Dari tahun 1922-1928.	396
Jadual	5.13	:	Nilaian Pengimportan Barangan Keperluan Industri Bagi Tahun 1922-1928.	397

**PENGARUH BRITISH DI KEDAH, 1770-1940:
KESAN KE ATAS PENTADBIRAN DAN EKONOMI.**

ABSTRAK

Penulisan tesis ini bertujuan untuk melihat pengaruh pihak British di Kedah dari tahun 1770 hingga tahun 1940. Pengaruh pihak British di Kedah telah bermula apabila pihak British mengambil keputusan untuk mengadakan hubungan perdagangan dengan pemerintah Kedah. Sehubungan itu, pihak British telah berjaya mempengaruhi pemerintah Kedah untuk menjalankan kegiatan perdagangan dengan syarikat perdagangan British. Kewujudan hubungan perdagangan telah mempengaruhi pemerintah Kedah untuk mengadakan hubungan politik dengan pihak British. Tujuannya adalah untuk meminta pihak British melindungi Kedah daripada ancaman pihak Siam. Pihak British bersetuju untuk mengadakan hubungan politik memandangkan ia merupakan peluang untuk meluaskan pengaruhnya di Kedah. Hubungan politik telah menyebabkan pihak British dapat meluaskan pengaruhnya terutama dalam institusi pemerintahan Kedah. Pengaruh besar pihak British ke atas Kedah dapat dikaji sesudah berlakunya Perjanjian Bangkok 1909. Bagi menguatkan pegangannya pihak British telah melaksanakan birokrasi kolonial di Kedah. Lanjutan itu pihak British telah meluaskan pengaruh mereka dalam pentadbiran negeri, daerah dan mukim. Pihak British juga mengambil tindakan meluaskan pengaruh mereka dalam bidang ekonomi, pendidikan, perundangan, kerja raya dan perubatan. Pengaruh ini telah membolehkan pihak British mengekalkan kedudukan mereka di Kedah sehingga 1940 tanpa sebarang tentangan bersenjata daripada masyarakat tempatan.

**BRITISH INFLUENCE IN KEDAH, 1770-1940:
IMPACT ON ADMINISTRATION AND ECONOMY.**

ABSTRACT

This thesis focuses on the influence of the British in Kedah during the years 1770-1940. The British influence in Kedah began when they decided on trade ties with the ruler of Kedah. Consequently, the British succeeded in influencing the ruler of Kedah to trade with British merchant companies. With the presence of trade, the ruler of Kedah had established diplomatic ties with the British for the main reason of seeking protection from Siamese raids. The British agreed to have ties as they viewed it to be a stepping stone to further its influence in Kedah. These ties enabled the British to influence the Kedah administrative institution. The extent of British influence in Kedah can be traced right from the signing of the Bangkok Treaty in 1909. To strengthen its grip on Kedah, a colonial bureaucratic system was introduced. As a result, its influence spread to the administration of the state, districts and constituencies. The British had also influenced the economy, education, legislation of laws, road works and health. This widespread influence enabled the British to consolidate their presence in Kedah till 1940 without facing any arm rebellion of the local populace.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat pengaruh British di Kedah dari tahun 1770 hingga 1940. Pengaruh British di Kedah telah bermula pada tahun 1770 apabila pihak British telah berjaya mengadakan hubungan perdagangan dengan pemerintah Kedah. Pihak British telah berjaya mempengaruhi pemerintah Kedah untuk mengadakan urusan pengeksporan dan pengimportan yang melibatkan antara pihak Kedah dengan pihak British. Pada masa yang sama pihak British memerlukan kawasan Pulau Pinang bagi meningkatkan aktiviti perdagangan di Selat Melaka dan juga menjaga keselamatan para pedagang British.

Hubungan perdagangan yang sedia wujud telah digunakan sebaiknya oleh pemerintah Kedah. Pemerintah Kedah telah bertindak untuk mengadakan hubungan politik dengan pihak British untuk mendapatkan perlindungan bagi menghadapi ancaman pihak Siam. Pihak British telah menyatakan kesanggupan untuk melindungi Kedah daripada ancaman serangan pihak Siam. Susulan itu pihak British telah meletakkan pengaruh ke atas pemerintah Kedah untuk menyerahkan kawasan Pulau Pinang dalam bentuk pajakan. Walaupun berlaku proses pemajakan Pulau Pinang, pihak British tidak memberikan perlindungan kepada pemerintah Kedah apabila diserang oleh pihak Siam. Sebaliknya

pihak British hanya menawarkan tempat perlindungan kepada pemerintah Kedah. Pengaruh pihak British ke atas pemerintah Kedah dapat dilihat apabila tidak membenarkan pemerintah Kedah dan pengikutnya mengambil sebarang tindakan untuk menyerang pihak Siam yang berada di Kedah. Perjanjian Burney 1826 antara pihak British dengan pihak Siam telah menyebabkan pihak British menggunakan pengaruh mereka untuk menempatkan pemerintah Kedah di Melaka sebagai orang buangan. Rayuan pemerintah Kedah kepada pihak British untuk membantunya mendapatkan semula tampuk pemerintahan akhirnya dipersetujui oleh pihak British. Pihak British telah berunding dan berjaya mempengaruhi pihak Siam untuk memberikan tampuk pemerintahan kepada Sultan Kedah.

Pengaruh besar British ke atas Kedah mula berlaku setelah termetrinya Perjanjian Bangkok 1909 yang memberikan ruang kepada pihak British untuk mengukuhkan pegangan ke atas Kedah. Pihak British telah meluaskan pengaruh mereka melalui pengimplementasian birokrasi kolonial di Kedah. Melalui birokrasi kolonial yang diterajui oleh pegawai-pegawai British dan golongan elit tempatan maka pihak British dapat meluaskan pengaruh mereka dalam bidang pentadbiran di peringkat negeri, daerah dan mukim. Di samping itu pihak British telah meluaskan pengaruh melalui institusi pendidikan, perubatan, kerja raya dan perundangan. Malahan pihak British telah juga meluaskan pengaruh mereka dengan menggiatkan sektor perladangan getah dan perlombongan bijih timah.

Sesungguhnya perluasan pengaruh British dalam bidang pentadbiran dan ekonomi selepas tahun 1909 tidak akan tercapai tanpa penubuhan birokrasi kolonial. Pengaruh British melalui birokrasi kolonial telah memberi ruang yang luas kepada pihak British untuk menguatkan pegangannya ke atas Kedah.

1.2 Tinjauan Kajian Lepas

Sejarah Kedah pada zaman pemerintahan British iaitu antara lingkungan tahun 1770-1940 telah diberi tumpuan dalam kajian ini. Fokus kajian ini adalah pada aspek-aspek peralihan birokrasi tradisional ke birokrasi kolonial yang dianjurkan oleh pihak British apabila meletakkan Kedah di bawah naungan. Terdapat juga sebilangan besar pengkaji sejarah yang telah melakukan kajian terhadap perkembangan sejarah di Kedah. Namun begitu sehingga hari ini tidak ada kajian lengkap tentang peralihan birokrasi tradisional Kedah kepada birokrasi kolonial yang ditaja oleh pihak British apabila mereka mula meluaskan pengaruh dalam sistem pentadbiran Kedah. Penyelidikan tentang sejarah kolonial British di Kedah masih diperlukan kerana pemerintahan British banyak mewariskan pola dan struktur pentadbiran, penubuhan institusi-institusi tertentu untuk menjalankan pentadbiran negeri dan daerah. Di samping itu penyelidikan juga diperlukan untuk melihat peranan institusi-institusi lain yang diasaskan oleh pihak British dalam menjaga kebajikan masyarakat dan juga memantapkan kedudukan ekonomi yang sehingga hari ini masih diamalkan oleh pentadbiran masa kini.

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji sejarah yang membincangkan perubahan-perubahan yang berlaku di Kedah setelah pihak British meletakkan pengaruh mereka dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran di Kedah. Di antara kajian yang menarik ialah kajian R. Bonney dan Sharom Ahmat. Kajian R. Bonney iaitu *Kedah, 1771-1821, The Search For Security and Independence* menumpukan perhatian kepada hubungan politik yang wujud antara pihak British di Pulau Pinang dengan pihak pemerintah Kedah.¹ Beliau telah membincangkan ancaman Siam yang dihadapi oleh pihak Kedah sehingga membawa kepada pengwujudan hubungan politik dan juga menunjukkan permasalahan yang tercetus antara pihak Kedah dengan pihak British selepas terjalinnya hubungan politik tersebut. Selain itu Bonney juga menulis banyak artikel yang menumpukan aspek hubungan Kedah-British.

Sharom Ahmat pula telah membuat kajian antara ruang lingkup zaman pra penjajahan dan bahagian awal zaman penjajahan British. Tumpuan beliau adalah untuk memperlihatkan perubahan-perubahan yang berlaku dalam bidang politik dan ekonomi di yang merangkumi dari tahun 1878 hingga 1923.² Sharom Ahmat mengkaji perubahan yang berlaku pada zaman pemerintahan British dengan hanya memberi tumpuan dalam bidang politik sahaja. Dalam mengkaji tentang perubahan tersebut beliau hanya melihat konflik-konflik yang berlaku apabila pihak British melalui perlantikan Penasihat British mula meluaskan pengaruh British dalam sistem pemerintahan dan sistem pentadbiran Kedah. Kajian Sharom Ahmat lebih menumpukan perhatian kepada pergolakan politik yang berlaku antara golongan pemerintah tempatan dengan Penasihat British dan juga mengupas reaksi golongan pemerintah terhadap pengimplementasian polisi British.

Di samping itu beliau telah memaparkan kegiatan ekonomi tradisional tetapi tidak menunjukkan kajian lengkap terhadap pengenalan ekonomi moden oleh pihak British.

Kajian Md Isa Othman pula menumpukan perhatian kepada aspek kesetiaan, kenegerian dan pensubahatan semasa Kedah berada di bawah zaman pemerintahan British dan juga zaman pemerintahan Jepun.³ Beliau telah memaparkan tindakan pihak penjajah yang memperalatkan ideologi kesetiaan dan kenegerian di kalangan golongan elit pemerintah tempatan untuk memastikan wujudnya konsep kerjasama bagi membolehkan pihak British meletakkan tapak yang kukuh dalam sistem pemerintahan dan sistem pentadbiran Kedah. Md Isa Othman juga telah membincangkan sistem pentadbiran Kedah zaman pemerintahan British. Fokus kajian beliau adalah kepada tindakan pihak British khususnya tindakan Penasihat British yang memanipulasikan Majlis Mesyuarat Negeri untuk kepentingan perluasan pengaruh British. Di samping itu beliau juga membincangkan tentang pembirokrasian pentadbiran negeri mengikut acuan pihak British. Walau bagaimanapun kajian beliau adalah ke arah untuk membuktikan kesanggupan orang tempatan untuk berkhidmat di bawah pentadbiran negeri yang dipegang oleh pihak British. Malahan Md Isa Othman juga membincangkan tentang pentadbiran daerah dan mukim semasa zaman pemerintahan British dan penelitian hanya ditumpukan kepada aspek kesetiaan orang tempatan terhadap pentadbiran negeri yang dipegang oleh pihak British.

Kobkua Suwannathat-Pian juga turut mengkaji sejarah Kedah tetapi ruang lingkup kajian beliau lebih ke arah mengkaji hubungan negeri-negeri Melayu dengan Siam pada abad

ke- 17 sehingga awal abad ke -20.⁴ Mahani Musa pula memberi tumpuan kepada kedudukan sosio-ekonomi wanita Melayu Kedah dari tahun 1881 hingga 1940 dengan membincangkan isu tanah, harta pesaka, permodalan, pendidikan dan kesihatan. Walaupun beliau membincangkan pengaruh British dalam isu tersebut namun perbincangan itu lebih tertumpu kepada pengaruh British ke atas kedudukan golongan wanita Melayu Kedah sahaja.⁵ Terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Khoo Kay Jin tentang zaman pemerintahan British di Kedah.⁶ Khoo Kay Jin telah menumpukan kajian terhadap perubahan yang berlaku ke atas masyarakat dan ekonomi Kedah semasa Kedah berada di bawah pemerintahan British. Malahan kajian beliau menjurus ke arah membuktikan bahawa perubahan yang berlaku semasa pemerintahan British adalah merupakan lanjutan daripada proses yang digerakkan oleh golongan pemerintah tempatan Kedah. Namun begitu kajian beliau adalah terhad memandangkan beliau lebih condong ke arah paparan kajian dalam bentuk kertas kerja dan artikel sahaja.

Terdapat juga sarjana Barat yang telah mengkaji tentang perkembangan sejarah Kedah. Antaranya, Nicholas Tarling yang telah menumpukan perhatian kepada perbincangan tentang hubungan politik yang terjalin antara pihak Kedah dengan pihak British di Pulau Pinang.⁷ Beliau telah mengupas permasalahan yang telah wujud dalam hubungan politik tersebut terutamanya sebelum penyerahan dan sesudah penyerahan Pulau Pinang kepada pihak British. J.M.Gullick juga mengambil peranan aktif mengkaji perkembangan sejarah Kedah. Kajian Gullick tertumpu terhadap kedudukan Sultan Ahmad Tajuddin yang tergugat akibat serangan Siam ke atas Kedah dan juga mengkaji tindakan baginda untuk mendapatkan kembali takhta pemerintahan Kedah. Dalam kajian ini juga Gullick telah

memaparkan penglibatan kuasa British dalam menentukan kedudukan Sultan Ahmad Tajuddin sebagai pemerintah Kedah.⁸ Selain itu Gullick juga telah menumpukan kajian terhadap Tunku Kudin dengan memfokuskan penglibatan Tengku Kudin dalam mendapatkan kuasa pemerintahan di Kedah.⁹

Sesungguhnya kajian ini tidak akan menumpukan perhatian kepada bidang yang telah dikaji oleh pengkaji sejarah berkaitan dengan sejarah Kedah itu. Kajian tentang birokrasi kolonial di Kedah semasa penglibatan pihak British belum mendapat perhatian penuh dari kalangan pengkaji sejarah Kedah. Tesis ini lebih menumpukan perhatian kepada pengimplementasian dan pelaksanaan birokrasi kolonial oleh pihak British khususnya dalam pentadbiran negeri setelah pihak British menjalinkan hubungan politik dan perdagangan dengan golongan pemerintah Kedah. Jangkamasa kajian telah dimulakan dari tahun 1770 hingga tahun 1940 memandangkan mulai 1770-an kerajaan Kedah sudah mula menjalinkan hubungan politik dengan pihak British.

1.3 Pengertian birokrasi

Satu daripada aspek penting pengaruh British di Kedah ialah pengimplementasian birokrasi kolonial. Oleh itu konsep ini perlu ditinjau dan dikupas.

Birokrasi merupakan sebuah mod organisasi yang mempunyai pelbagai jenis pentadbiran tertentu sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat daerah ataupun di peringkat mukim. Birokrasi tidak diasingkan daripada institusi pemerintahan. Oleh yang demikian

birokrasi tersebut dapat diimplementasikan dalam lingkungan masyarakat tempatan.¹⁰ Birokrasi telah menyebabkan wujudnya sistem hieraki dalam proses perjalanan pentadbiran tersebut. Kewujudan hieraki tersebut telah menyebabkan pentadbiran dikelompokkan kepada dua kategori. Dua jenis kategori pentadbiran tersebut ialah pentadbiran tinggi dan pentadbiran rendah. Pengkategorian pentadbiran tersebut telah menyebabkan pentadbiran yang rendah dikuasai sepenuhnya oleh pentadbiran tinggi dalam birokrasi tersebut.¹¹ Pentadbiran tinggi menjadi tonggak utama dalam birokrasi tersebut memandangkan pentadbiran tinggi mempunyai kuasa penuh dalam mengawal proses perjalanan pentadbiran negeri.

Dalam hieraki pentadbiran tersebut, kesemua pentadbiran yang beroperasi sama ada di peringkat negeri, daerah atau pun mukim tertakluk kepada keputusan dan arahan yang dikeluarkan oleh pentadbiran tinggi yang menguasai birokrasi tersebut. Oleh itu pentadbiran tinggi mempunyai autoriti penuh ke atas pentadbiran rendah. Susulan itu pentadbiran tinggi dapat memastikan pentadbiran rendah berada di bawah kawalan mereka sepenuhnya. Melalui autoriti tersebut, pentadbiran tinggi mempunyai hak untuk mengeluarkan arahan dan peraturan. Dengan itu pentadbiran rendah harus mematuhi dan melaksanakan arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh pentadbiran tinggi tersebut.

Pelaksanaan autoriti hanya boleh berlaku jikalau pentadbiran tinggi mempunyai hubungan yang rapat dengan pentadbiran rendah.¹² Melalui autoriti tersebut maka pentadbiran tinggi dapat meluaskan pengaruh ke atas pentadbiran rendah. Perluasan pengaruh tersebut menyebabkan pentadbiran tinggi dapat memastikan legitimasi

pentadbiran tinggi diperakui oleh pentadbiran rendah. Legitimasi perlu ada dalam mengetuai birokrasi. Tanpa adanya legitimasi maka pentadbiran tinggi tidak boleh mengimplementasikan ideologi, idea-idea dan juga polisi pentadbiran tinggi.¹³ Perakuan terhadap legitimasi pentadbiran tinggi oleh pentadbiran rendah membolehkan pentadbiran tinggi dapat mengimplementasikan ideologi, idea-idea dan juga polisi pentadbiran negeri tanpa mendapat sebarang halangan daripada pentadbiran rendah.

Birokrasi kolonial telah diperkenalkan oleh pihak British apabila berjaya meletakkan pengaruh mereka dalam sesebuah negeri. Pengawalan birokrasi kolonial dibuat melalui kuasa politik.¹⁴ Matlamat pihak British adalah untuk meluaskan pengaruh British melalui peringkat pentadbiran. Oleh yang demikian pihak British telah mengambil tindakan untuk mengawal birokrasi kolonial melalui kuasa politik. Kelas-kelas dominan yang muncul melalui kuasa politik telah menguasai sistem birokrasi kolonial dan seterusnya mengawal pentadbiran tinggi. Penguasaan birokrasi kolonial dan pengawalan pentadbiran tertinggi memberikan peluang kepada kelas dominan untuk mendapat status mereka sebagai golongan pemerintah.¹⁵ Kelas dominan tersebut yang mempunyai kuasa untuk memerintah negeri secara automatik dapat meluaskan pengaruh British dan seterusnya mengawal jentera pentadbiran tinggi iaitu pentadbiran pusat ataupun pentadbiran negeri. Dalam lain perkataan pengimplementasian birokrasi kolonial telah memberi ruang luas kepada kedudukan kelas dominan baru untuk bergerak sebagai institusi pemerintah yang baru untuk meluaskan pengaruh British. Ketidakupayaan menguasai birokrasi kolonial akan menyebabkan kehilangan penguasaan untuk menjalankan pemerintahan dan

seterusnya memberikan halangan untuk meletakkan pengaruh yang besar dalam pentadbiran negeri, daerah dan mukim.

1.4 Peralihan birokrasi tradisional ke birokrasi kolonial

Sebelum pihak British meluaskan pengaruh melalui pengimplementasian birokrasi kolonial maka birokrasi tradisional telah mendominasi pentadbiran tinggi iaitu pentadbiran negeri ataupun pentadbiran pusat. Birokrasi tradisional telah berada di bawah kawalan golongan raja ataupun sultan. Dalam birokrasi tradisional, golongan raja telah menduduki hierarki tertinggi dan diikuti oleh golongan pembesar sama ada yang berada di peringkat pusat ataupun di peringkat daerah. Kedudukan hierarki raja di peringkat tertinggi dalam birokrasi tradisional disebabkan oleh konsep daulat dan juga pengaruh agama. Konsep daulat diperolehi oleh golongan raja setelah berlangsungnya upacara pertabalan sebagai pemerintah yang baru. Penerimaan konsep daulat ini telah menyebabkan raja dilabelkan sebagai orang suci. Oleh itu masyarakat tempatan telah diberi gambaran bahawa mereka tidak boleh menentang kekuasaan raja dan segala arahan yang dikeluarkan oleh raja harus dipatuhi oleh mereka. Masyarakat tempatan telah diindoktrinasikan bahawa mereka yang engkar terhadap institusi pemerintahan tersebut akan mengalami penderitaan dan kesengsaraan.¹⁶

Di samping itu raja dikatakan memiliki kuasa kesaktian akibat daripada pemilikan statusnya sebagai wakil Tuhan. Pemberian status tersebut adalah susulan daripada pengaruh agama Hindu dan juga pengaruh agama Islam. Kefahaman masyarakat

tempatan bahawa raja adalah wakil Tuhan telah memberi peluang yang besar kepada raja untuk mengetuai birokrasi tradisional. Kedudukan raja sebagai wakil Tuhan dan memiliki konsep daulat telah ditransformasikan dalam institusi pemerintahan menyebabkan raja secara automatik mendapat kuasa mutlak dalam menjalankan tampuk pemerintahan. Sebagai ketua negara yang mengetuai birokrasi tradisional, raja memberikan perlindungan kepada masyarakat yang menetap dalam ruang lingkup kawasan pemerintahannya. Masyarakat tempatan pula memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan juga birokrasi tradisional sebagai balasan kepada perlindungan yang diberikan oleh raja.¹⁷ Masyarakat tempatan ditekankan dengan isu kepatuhan dan kesetiaan dan bukannya disedarkan tentang hak dan keistimewaan masyarakat tempatan yang boleh diperoleh apabila berada di bawah birokrasi tradisional.¹⁸

Selain itu Gullick juga menyatakan bahawa golongan pembesar tempatan juga memainkan peranan penting dalam birokrasi tradisional. Pembesar dianggap mempunyai kuasa yang lebih dibandingkan dengan raja.¹⁹ Secara praktikal tidak wujud sebarang had terhadap kuasa yang dimiliki oleh golongan pembesar. Oleh itu agama, ekonomi dan kuasa politik telah berada di bawah tangan pembesar yang mempunyai pengaruh besar ke atas penduduk tempatan yang menetap di daerah yang dikuasai oleh pembesar.²⁰ Situasi ini berlaku akibat penguasaan daerah-daerah tertentu dalam negeri tersebut oleh golongan pembesar tempatan menyebabkan pengaruh mereka dikatakan lebih besar dibandingkan dengan kedudukan raja. Oleh itu golongan raja bergantung kepada golongan pembesar dalam usaha untuk mempertahankan dirinya sebagai orang suci bagi memastikan kelancaran perjalanan birokrasi tradisional.²¹

Golongan pembesar bukan sahaja mengawal pergerakan masyarakat tempatan di peringkat daerah malah juga memonopoli punca pendapatan yang diperoleh melalui penguasaan kegiatan ekonomi. Secara langsung golongan pembesar mendapat kuasa autonomi yang memberikan kelebihan untuk menguasai bidang ekonomi dan ketenteraan.²² Raja dianggap sebagai simbol pemerintahan sahaja. Dalam lain perkataan raja hanya memegang tampuk pemerintahan sahaja tetapi tidak mempunyai kuasa kemutlakan dalam menjalankan sistem pemerintahan. Golongan tersebut hanya mempunyai kekuasaan politik yang terhad untuk mengatasi kedudukan golongan pembesar yang mempunyai pengaruh besar di peringkat daerah.²³ Kedudukan raja sebagai pemerintah negeri bergantung kepada sokongan yang diberikan oleh pembesar-pembesar tempatan.²⁴

Pihak British telah berjaya meletakkan Kedah di bawah naungan mereka mulai tahun 1909. Sejalan dengan itu pihak British telah mengambil pendekatan untuk meluaskan pengaruh mereka melalui '*indirect rule*'.²⁵ Pihak British telah mengambil polisi untuk tidak menghapuskan sama sekali struktur birokrasi tradisional walaupun memahami kelemahan dalam sistem birokrasi tersebut. Sebaliknya pihak British telah mengekalkan struktur birokrasi tradisional yang sedia ada dengan membuat pengubahsuaian selaras dengan pengimplementasian birokrasi kolonial. Bagaimanapun, pihak British hanya memberikan ruang kepada golongan raja sahaja untuk mempertahankan kedudukan sebagai golongan pemerintah. Pihak British tidak memberi pengiktirafan kepada kedudukan golongan pembesar tempatan dalam pengimplementasian birokrasi kolonial menyebabkan pengaruh golongan pembesar dalam masyarakat tempatan menjadi pudar.

Birokrasi tradisional telah menerima perubahan yang dilaksanakan oleh pihak British itu tanpa sebarang bantahan. Pengenalan birokrasi kolonial telah menyebabkan golongan pemerintah tradisional tidak lagi menguasai politik tempatan.²⁶ Situasi tersebut menyebabkan golongan pemerintah tradisional tidak lagi mempunyai peluang untuk menguasai sistem birokrasi yang menjadi tunjang utama dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran. Sebaliknya pihak British mahu menonjolkan bahawa pembirokrasian kolonial adalah ke arah melindungi kepentingan masyarakat tempatan khususnya orang Melayu.²⁷ Dengan itu bidang kuasa politik tempatan telah menjadi hak milik pihak British yang menguasai dan menjalankan birokrasi kolonial.²⁸ Dalam birokrasi kolonial di Kedah telah lahir dua kelompok pemerintah iaitu pemerintah tradisional yang diketuai oleh sultan dan yang kedua pemerintah British yang diketuai oleh Penasihat British.

Pemerintahan tradisional dikekalkan semata-mata untuk menunjukkan kepada masyarakat tempatan bahawa mereka masih lagi berada di bawah pemerintahan sultan. Pihak British melalui Penasihat British telah mengambil pendekatan dan strategi tertentu untuk mempertengahan birokrasi kolonial yang bermodelkan British walaupun golongan pemerintah tradisional dikekalkan status mereka sebagai pemerintah negeri. Dalam lain perkataan pengekalan pemerintahan tradisional adalah juga untuk memastikan kestabilan dalam struktur sosial tetap berkekalan seiring dengan perjalanan birokrasi kolonial.²⁹

Pihak British sedar matlamat utama birokrasi tradisional sebelum pengimplementasian birokrasi kolonial adalah untuk mengekalkan kestabilan politik dan bukannya membawa perubahan dan inovasi dalam masyarakat tempatan.³⁰ Dengan mengekalkan kedudukan

golongan raja itu telah memudahkan pihak British menjalankan sistem pentadbiran negeri dan merupakan satu cara untuk pihak British meluaskan pengaruh dan juga menguasai minda penduduk tempatan. Di samping itu kekuatan perjalanan birokrasi kolonial bergantung kepada pendorongan ke atas birokrasi tradisional.³¹ Oleh itu pendorongan birokrasi tradisional adalah untuk memastikan pihak British dapat menjalankan pemerintahan secara '*indirect rule*' dalam usaha untuk meluaskan pengaruh British dalam sistem pentadbiran negeri. Akibatnya masyarakat tempatan telah berdepan dengan satu kuasa baru iaitu birokrasi kolonial yang memberi cabaran terhadap birokrasi tradisional.³²

Pihak British sedar bahawa pengimplementasian birokrasi kolonial sangat penting memandangkan ia mempunyai pengaruh yang kuat ke atas penguasaan pemerintahan politik. Di Kedah, birokrasi kolonial telah diletakkan di bawah tanggungjawab Penasihat British yang dilantik oleh Pesuruh Jaya Tinggi British. Selain itu, Penasihat British juga diberikan tanggungjawab untuk mengetuai pentadbiran negeri. Pengimplementasian birokrasi kolonial mengesahkan legitimasi pihak British di Kedah terutamanya apabila berlaku pelaksanaan polisi British di peringkat pentadbiran negeri, daerah dan mukim. Pengesahan legitimasi amat penting untuk pelaksanaan autoriti terutamanya semasa melaksanakan polisi, arahan dan juga peraturan.³³ Secara langsung melalui pengimplementasian birokrasi kolonial yang mengesahkan legitimasi pihak British telah membuka luas ruang untuk ke arah pemonopolian kuasa oleh pihak British.³⁴ Oleh itu pengimplementasian birokrasi kolonial telah memberikan kelebihan kepada Penasihat British meletakkan autoriti bukan sahaja dalam bidang pentadbiran negeri malah juga

dalam pentadbiran daerah dan mukim. Secara langsung Penasihat British juga dapat meluaskan pengaruh British dalam pentadbiran negeri, daerah dan mukim.

Dalam birokrasi kolonial, kedudukan Penasihat British adalah sebagai penasihat kepada Majlis Mesyuarat Negeri dalam melaksanakan pembangunan pada peringkat negeri dan daerah. Pihak birokrasi kolonial tidak membubarkan Majlis Mesyuarat Negeri yang telah dibentuk oleh pihak Siam semasa Kedah berada di bawah pengaruh Siam. Birokrasi kolonial mendapati melalui Majlis Mesyuarat Negeri, pembirokrasian kolonial dapat dijalankan dengan mudah memandangkan Penasihat British merupakan salah seorang ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Melalui kedudukan tersebut Penasihat British mudah untuk mempengaruhi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri ke arah pelaksanaan birokrasi kolonial dan juga untuk meluaskan pengaruh British. Secara teorinya sultan masih lagi menduduki hierarki yang tinggi dalam strata masyarakat tempatan tetapi secara praktiknya peranan Majlis Mesyuarat Negeri telah menyebabkan kedudukan sultan berada di bawah Penasihat British dan Majlis Mesyuarat Negeri.

Pengimplementasian birokrasi kolonial telah menyebabkan sultan hanya dilibatkan dalam memberikan kelulusan kepada segala keputusan yang dicapai dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Birokrasi kolonial telah mengubahsuai konsep 'patron-klien' untuk mengaitkan dengan hubungan antara sultan dan Penasihat British. Dalam birokrasi tradisional, sultan yang bertindak sebagai patron mempunyai kata pemutus ke atas masyarakat tempatan yang bertindak sebagai klien. Dalam birokrasi kolonial pula, sultan masih bertindak patron tetapi Penasihat British pula telah menjadi klien. Namun begitu sultan tidak

mempunyai kata pemutus ke atas Penasihat British. Sebaliknya sultan akur kepada keputusan yang diambil oleh Penasihat British melalui perbincangan dan persetujuan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri.

Dalam pelaksanaan birokrasi kolonial, pihak British telah mengadakan perubahan seiring dengan proses modenisasi dan pembaratan. Sungguhpun birokrasi kolonial melunturkan sistem dan nilai tradisional tetapi dari satu sudut yang lain ia telah memberi sumbangan positif dari sudut memperbaiki kehidupan material masyarakat tempatan.³⁵ Perubahan ini telah diterima oleh masyarakat tempatan tanpa sebarang tentangan. Penasihat British telah mengambil langkah untuk memajukan pendidikan Inggeris untuk kemajuan masyarakat tempatan. Susulan itu Penasihat British telah memberi kelulusan untuk penubuhan *English Governemt School*. Pembukaan *English Government School* adalah untuk melatih orang tempatan berkhidmat dalam jabatan-jabatan pentadbiran negeri sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah. Pada masa yang sama pelaksanaan pendidikan Inggeris telah melahirkan satu kelas tempatan baru yang dikategorikan sebagai golongan elit moden. Kemunculan golongan elit moden telah menyebabkan kepercayaan terhadap birokrasi tradisional menjadi kurang dan sebaliknya meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada kerasionalan pentadbiran, undang-undang bertulis dan juga pelaksanaan peraturan dan arahan yang dianjurkan oleh birokrasi kolonial.³⁶ Dalam perjalanan sistem birokrasi tradisional, golongan elit moden tidak mempunyai sebarang peluang dalam soal perlantikan pegawai untuk menjawat jawatan di peringkat pentadbiran negeri. Golongan elit moden telah mendapat keuntungan yang besar melalui pelaksanaan birokrasi moden.

Perlantikan golongan elit moden untuk menjawat jawatan dalam pentadbiran negeri dan juga pentadbiran daerah tidak lagi berdasarkan keturunan ataupun berdasarkan kepada hubungan rapat dengan birokrasi kolonial. Pihak British lebih mementingkan pendekatan profesionalisme iaitu berorientasikan pencapaian, bertanggungjawab terhadap tugas, patuh kepada arahan Penasihat British dan juga mempunyai komitmen terhadap pengimplementasian polisi pentadbiran negeri. Tujuan pihak British memberikan peluang dan ruang kepada golongan elit moden untuk menjawat jawatan dalam birokrasi kolonial adalah untuk memberikan gambaran bahawa kuasa pentadbiran masih lagi berada di tangan masyarakat tempatan. Pihak British yakin melalui pendekatan tersebut, sokongan masyarakat tempatan terhadap birokrasi kolonial mudah diperoleh. Lantaran itu ia juga memberi ruang luas untuk pihak British bagi meluaskan pengaruh di kalangan masyarakat tempatan. Golongan elit moden adalah terdiri daripada golongan Melayu tempatan yang diberi peluang oleh pihak British untuk menyertai jabatan-jabatan yang ditubuhkan di peringkat negeri dan daerah.³⁷ Walau bagaimanapun bilangan orang Melayu tempatan yang diberikan jawatan tinggi adalah sangat kecil.³⁸

Dalam pentadbiran birokrasi kolonial, golongan pemerintah iaitu raja tidak diberikan kuasa dalam soal perlantikan dan penempatan pegawai tempatan untuk jawatan dalam pentadbiran moden. Kelulusan dalam bidang pendidikan dan juga kemahiran dalam membaca, menulis dan mengira menjadi elemen penting bagi golongan elit moden untuk menjawat jawatan dalam pentadbiran negeri dan pentadbiran daerah. Kelulusan dan kemahiran telah menjadi status utama bagi golongan elit moden yang berada di bawah birokrasi moden. Susulan itu pegawai daerah dan penghulu dilantik di kalangan mereka

yang mempunyai kelulusan dan kemahiran untuk mengetuai pentadbiran daerah dan mukim. Pelantikan golongan elit moden dari kalangan masyarakat tempatan adalah untuk memastikan birokrasi kolonial dapat menjalinkan perhubungan secara langsung dengan masyarakat tempatan.³⁹ Perhubungan dengan masyarakat tempatan adalah penting untuk menarik sokongan masyarakat tempatan terhadap birokrasi kolonial. Selain itu hampir sebilangan besar masyarakat tempatan khususnya orang Melayu tempatan telah diberikan jawatan sebagai kerani dalam birokrasi kolonial yang sebelum ini tidak diberikan peluang seumpama itu dalam birokrasi tradisional.

Pihak Belanda semasa melaksanakan birokrasi kolonial di Indonesia telah memastikan aspek kebajikan dan kesejahteraan masyarakat Indonesia sebagai satu ideologi dalam perjalanan pentadbiran negeri.⁴⁰ Pihak British di Kedah juga telah mengambil pendekatan yang sama seperti yang dilaksanakan oleh pihak Belanda di Indonesia. Dalam memastikan birokrasi kolonial dapat berperanan sebagai agen perubahan sosial bagi membawa pembangunan untuk negeri dan masyarakat tempatan, pihak British telah menumpukan perhatian penuh ke arah memajukan sektor-sektor tertentu di peringkat negeri untuk dilaksanakan di peringkat daerah dan mukim. Birokrasi kolonial telah digerakkan untuk memajukan bidang-bidang tertentu. Malahan tindakan untuk memajukan bidang-bidang tertentu adalah juga untuk meluaskan pengaruh British. Antaranya bidang kesihatan, dan juga bidang kerja raya. Lanjutan itu berlaku penubuhan Jabatan Kesihatan Negeri, dan Jabatan Kerja Raya. Perjalanan dan pengawasan jabatan-jabatan tersebut telah diberikan kepada pegawai-pegawai baru yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.⁴¹ Pegawai-pegawai baru terdiri daripada pegawai-

pegawai British. Di Kedah, Penasihat British telah melantik pegawai-pegawai British untuk mengetuai jabatan-jabatan pentadbiran khususnya yang ditubuhkan di peringkat negeri. Sesungguhnya pihak British melalui pengenalan birokrasi kolonial telah menonjolkan imej mereka sebagai agen untuk menjaga kebajikan dan menjamin kesejahteraan masyarakat tempatan.

Pengaruh British dalam birokrasi kolonial telah membawa kepada penubuhan Jabatan Kerja Raya. Jabatan Kerja Raya telah mengambil peranan yang aktif untuk membina jalan raya yang menghubungkan antara pusat pentadbiran negeri dengan pusat pentadbiran daerah. Pembinaan jalan raya ini sangat penting memandangkan keperluan untuk mewujudkan hubungan antara pentadbiran negeri dengan pentadbiran daerah dalam melaksanakan pembangunan di peringkat daerah. Di samping itu pembinaan jalan raya juga penting bagi meningkatkan kegiatan ekonomi moden yang dianjurkan oleh birokrasi kolonial. Perkembangan ekonomi moden memerlukan penglibatan birokrasi kolonial memandangkan kemajuan ekonomi moden bergantung kepada pasaran antarabangsa.⁴² Oleh itu sistem jalan raya yang dirangka dan dibina oleh Jabatan Kerja Raya telah memudahkan kerja-kerja pengeksporan barangan dari tempat pengeluaran ke pelabuhan yang berdekatan. Begitu juga penglibatan Jabatan Kerja Raya dalam pembinaan pengairan dan terusan air telah membantu orang tempatan untuk meningkatkan aktiviti pengeluaran padi yang seterusnya meningkatkan taraf hidup orang tempatan.

Melalui penubuhan Jabatan Kesihatan pula, pihak British telah menjamin tahap kesihatan masyarakat tempatan. Penubuhan hospital di peringkat daerah telah menyebabkan kadar kematian akibat jangkitan penyakit dapat dikurangkan dan perebakan wabak penyakit dapat dikawal melalui rawatan moden. Di samping itu pihak British juga telah memastikan buruh-buruh tempatan dan buruh-buruh asing tidak dijangkiti sebarang penyakit untuk mengelakkan masalah kekurangan buruh bagi menjayakan pelaksanaan ekonomi moden.⁴³ Sesungguhnya birokrasi kolonial telah menjamin kesejahteraan masyarakat tempatan melalui penubuhan Jabatan Kesihatan.

Proses modenisasi yang dibawa melalui birokrasi kolonial turut melibatkan kemasukan kebudayaan Barat dan telah membawa perubahan dalam pelbagai aspek terutamanya mempengaruhi sikap dan perilaku masyarakat tempatan. Oleh itu birokrasi kolonial lebih ke arah menguasai pengurusan masyarakat tempatan.⁴⁴ Minda masyarakat tempatan telah dapat dipengaruhi oleh birokrasi kolonial. Secara langsung ia juga dapat mempengaruhi kehidupan harian masyarakat tempatan. Birokrasi tradisional masih tetap pada status tradisionalnya tetapi kuasanya untuk mentadbirkan pentadbiran negeri, daerah dan mukim telah beralih tangan kepada birokrasi kolonial. Masyarakat tempatan telah memberikan sokongan kepada pengimplementasian birokrasi kolonial di Kedah memandangkan arus perubahan lebih mendatangkan kemanfaatan kepada kehidupan harian mereka.

Melalui birokrasi kolonial, masyarakat tempatan telah dapat dipengaruhi untuk memilih idea dan teknik Barat yang dianggap lebih baik berbanding dengan birokrasi tradisional.⁴⁵

Peranan birokrasi kolonial yang mengawal pentadbiran daerah dan mukim telah dapat menarik sokongan masyarakat tempatan kepada birokrasi kolonial yang berpusatkan di peringkat pentadbiran negeri. Perlantikan orang tempatan untuk mengetuai pentadbiran daerah dan mukim telah memberi laluan kepada pihak British untuk meluaskan pengaruh di peringkat daerah dan mukim. Justeru masyarakat tempatan telah memberi sokongan terhadap pentadbiran daerah dan mukim.

1.5 Objektif Kajian

Kajian tentang peralihan birokrasi tradisional ke birokrasi moden amat penting terutamanya untuk melihat perubahan yang telah berlaku ke atas bidang politik, ekonomi dan sosial sehingga mengubah kedudukan golongan pemerintah dan masyarakat Kedah. Pemaparan kajian yang bertajuk “Pemerintahan British di Kedah, 1770-1940: Kesan Ke Atas Pentadbiran dan Ekonomi” akan dapat memenuhi beberapa objektif penting;

1. Memahami faktor-faktor yang telah menyebabkan wujudnya hubungan diplomatik dan juga hubungan perdagangan antara pihak British dengan golongan pemerintah di Kedah.
2. Menunjukkan perubahan-perubahan yang berlaku apabila pihak British mengambil daya inisiatif untuk melaksanakan birokrasi kolonial di Kedah. Penelitiaan terhadap perubahan-perubahan tersebut dapat menjelaskan bagaimana pihak British menggunakan birokrasi kolonial untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam penguasaan pentadbiran

negeri, daerah dan mukim. Kemudian akan diperlihatkan pula pengimplementasian polisi British oleh birokrasi kolonial.

3. Menunjukkan penglibatan jabatan-jabatan pentadbiran yang ditubuhkan oleh birokrasi kolonial dalam mengimplementasikan polisi British untuk kepentingan masyarakat tempatan.

4. Menunjukkan bahawa tindakan pihak British memperkenalkan birokrasi kolonial bukan sahaja telah meruntuhkan institusi birokrasi tradisional tetapi juga memberikan kelebihan kepada masyarakat tempatan terutamanya dalam bidang sosial dan ekonomi.

5. Sehubungan itu kajian ini akan dapat memberi pengetahuan dan pemahaman tentang birokrasi kolonial yang dianjurkan oleh pihak British menjadi kesinambungan sehingga hari ini dalam bidang pentadbiran negara.

Berdasarkan objektif-objektif yang hendak dicapai maka dipaparkan bagaimana golongan pemerintah tradisional kehilangan kuasa apabila mengadakan hubungan diplomatik dengan pihak British dan juga apabila pihak British memperkenalkan birokrasi kolonial dalam pentadbiran negeri. Di samping itu ingin dipaparkan tindakbalas dan dan juga penerimaan masyarakat tempatan terhadap pihak British dalam mengimplementasikan birokrasi kolonial di Kedah.

1.6 Permasalahan Kajian

Kajian ini adalah untuk memperjelaskan perubahan yang berlaku apabila wujudnya peralihan birokrasi tradisional ke birokrasi kolonial di Kedah. Kajian ini juga adalah untuk menunjukkan kewujudan pengaruh British apabila terjalin hubungan diplomatik antara British dengan pemerintah di Kedah. Di samping itu kajian ini juga adalah untuk menunjukkan perluasan pengaruh British dalam pengimplementasian birokrasi kolonial di peringkat pentadbiran negeri.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian menjurus kepada jalinan dan perkembangan hubungan diplomatik dan perdagangan antara Kedah dengan pihak British. Selain itu skop kajian adalah meneliti penubuhan institusi Pesuruh Jaya Tinggi British, Penasihat British, pegawai daerah dan penghulu dalam mengawal pentadbiran negeri, pentadbiran daerah dan mukim. Di samping itu skop kajian juga menjurus kepada pengimplementasian birokrasi kolonial melalui penubuhan institusi pendidikan, kesihatan dan kerja raya dan juga melalui pengenalan ekonomi moden.

Skop kajian ini dipilih bagi memperlihatkan kekuatan pihak British menggunakan hubungan diplomatik dan birokrasi kolonial dalam meluaskan pengaruh British di Kedah. Malah kajian ini akan menunjukkan pendekatan yang digunakan oleh pihak British dalam menarik sokongan masyarakat tempatan. Di samping itu skop kajian juga ditumpukan

kapada perubahan corak ekonomi yang diperkenalkan oleh pihak British dalam memantapkan kedudukan ekonomi Kedah.

Tempoh masa kajian ini dipilih adalah dari tahun 1770 hingga 1940 disebabkan ia merupakan tempoh masa bagi pihak British mengambil daya usaha untuk meletakkan pengaruh British di Kedah dan juga menuju ke arah pelaksanaan birokrasi kolonial. Kajian ini bermula pada tahun 1770 memandangkan pihak British telah mengambil langkah untuk mengadakan hubungan perdagangan dengan pemerintah Kedah. Kewujudan hubungan perdagangan telah membuka ruang untuk pihak British meluaskan pengaruh mereka di Kedah melalui hubungan diplomatik. Hubungan diplomatik telah membolehkan pihak British mengembangkan pengaruh mereka dalam pentadbiran negeri sehingga berjaya melaksanakan birokrasi kolonial. Sehubungan itu pihak British telah berjaya mengukuhkan kedudukan mereka di Kedah sehinggalah pada tahun 1940.

1.8 Metodologi Kajian

Kajian tesis ini merangkumi tempoh masa dari tahun 1770 hingga tahun 1940. Tempoh masa yang panjang menyebabkan beberapa kaedah perlu digunakan untuk menjalankan kajian bagi menghasilkan sebuah penulisan yang berkualiti. Dalam menjalankan kajian tersebut, penggunaan sumber pertama dan kedua amat penting untuk memaparkan sebuah penulisan sejarah yang berkualiti dan dapat diterima umum. Dengan itu penyelidikan telah dilakukan untuk mendapatkan dokumen yang relevan bagi mendapatkan bukti dan hujah untuk dibincangkan secara terperinci tajuk tesis ini. Penganalisan sumber pertama

dan kedua diharapkan dapat memberikan gambaran jelas tentang peralihan birokrasi tradisional ke birokrasi kolonial di Kedah yang sehingga hari ini belum ada paparan yang jelas dan mendalam.

1.8.1 Kajian Sumber Pertama

Penggunaan sumber pertama adalah penting bagi mendapatkan idea-idea utama untuk dibahaskan mengikut tema penulisan tesis ini. Di samping itu penggunaan sumber pertama adalah penting untuk membuktikan berlakunya peralihan birokrasi tradisional ke birokrasi kolonial peralihan di Kedah pada zaman pemerintahan British. Sumber pertama terdiri daripada sumber asli yang perlu diguna pakai dalam penulisan sejarah. Antara sumber pertama ialah dokumen rasmi pentadbiran, surat-surat persendirian dan catatan pengalaman oleh mereka yang terlibat dalam situasi tersebut.

Bagi mendapatkan sumber pertama yang merupakan dokumen rasmi maka kerja-kerja penyelidikan telah dilakukan di Arkib Negara Kuala Lumpur dan Arkib Negara Cawangan Kedah-Perlis untuk mengkaji surat-surat pentadbiran pada zaman pemerintahan British, fail-fail rasmi, fail-fail peribadi dan juga akhbar-akhbar lama. Penyelidikan dokumen rasmi telah diuruskan kepada dua kategori iaitu dokumen-dokumen rasmi British dan dokumen-dokumen rasmi tempatan. Penyelidikan dokumen rasmi British adalah rekod-rekod *Colonial Office* iaitu *CO 273* dan *CO 717*, fail-fail rasmi pentadbiran iaitu *Kedah State Secretariat Files*, *Kedah State Council Minute* dan juga fail-fail *High Commissioner Office*. Kesemua fail tersebut amat penting dan telah